

# DIPROCEL OINTMENT

Betamethasone dipropionate (0.05% w/w )

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Diprocel ointment
2. Bagaimana Diprocel ointment berfungsi
3. Sebelum mengambil Diprocel ointment
4. Cara menggunakan Diprocel ointment
5. Semasa menggunakan Diprocel ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Diprocel ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Diprocel ointment

Diprocel ointment digunakan untuk melegakan simptom keradangan yang disebabkan oleh masalah kulit tertentu yang berkesan dirawat dengan ubat kortikosteroid, termasuk *psoriasis* yang rintang kepada terapi lain atau *psoriasis* teruk.

*Psoriasis* ialah penyakit kulit yang menyebabkan tompok-tompok merah yang gatal dan bersisik pada siku, lutut, kulit kepala dan bahagian-bahagian lain badan.

## Bagaimana Diprocel ointment berfungsi

Diprocel ointment mengandungi bahan aktif *betamethasone dipropionate*.

*Betamethasone dipropionate* tergolong ke dalam kumpulan ubat kortikosteroid topikal yang disapukan pada permukaan kulit untuk mengurangkan inflamasi dan rasa gatal yang disebabkan oleh masalah kulit yang tertentu.

## Sebelum mengambil Diprocel ointment

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan gunakan Diprocel ointment:

- Jika anda alah (hipersensitif) terhadap bahan aktifnya, iaitu *betamethasone dipropionate*, ataupun mana-mana bahannya (Lihat senarai lengkap di dalam bahagian "*Bahan-bahan kandungan*"), atau terhadap ubat-ubat yang serupa dengannya.
- Kesan sampingan yang boleh berlaku apabila menggunakan kortikosteroid yang dimakan atau disuntik boleh juga berlaku apabila menggunakan kortikosteroid yang disapukan pada kulit, terutamanya bagi bayi dan kanak-kanak.

## - *Sebelum mengambil Diprocel Ointment*

- Bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Diprocel ointment.
- Ubat ini tidak boleh digunakan di bawah balutan atau plaster.

## **Kehamilan, menyusukan anak dengan susu badan, dan kesuburan**

Ubat di dalam kelas ini tidak boleh digunakan dengan banyak atau lama pada wanita hamil.

Perhatian perlu diambil jika Diprocel Ointment digunakan bagi wanita yang sedang menyusukan anak dengan susu badan.

Jika anda hamil atau sedang menyusukan anak dengan susu badan, atau jika anda mungkin hamil atau bercadang untuk menjadi hamil, minta nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

## **Kanak-kanak**

Jangan sapukan salap ini di bawah lampin anak anda kerana ini memudahkan bahan aktif ubat ini terserap ke dalam kulit lalu menyebabkan kesan yang tidak diingini.

## - *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

## **Cara menggunakan Diprocel ointment**

### - *Berapa banyak harus digunakan*

Gunakan ubat ini tepat-tepat mengikut arahan doktor atau ahli farmasi. Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.

Lapisan Diprocel ointment yang tipis hendaklah disapukan untuk melitupi seluruh kawasan yang terjejas.

### - *Bila perlu digunakan*

Diprocel ointment hendak disapukan sekali sehari, pada waktu pagi. Diprocel ointment boleh juga disapukan dua kali sehari, pada waktu pagi dan malam, jika diarahkan oleh doktor.

### - *Berapa lama perlu digunakan*

Anda harus berhenti menggunakan Diprocel ointment apabila penyakit kulit anda terkawal, seperti yang diarahkan oleh doktor. Tempoh menggunakan Diprocel ointment ialah beberapa hari ke atas. Jangan gunakan Diprocel ointment melebihi empat minggu kecuali diarahkan oleh doktor.

### - *Jika terlupa menggunakan*

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya.

Gunakan dos yang terlupa itu sebaik sahaja anda ingat. Jika waktunya sudah hampir dengan waktu dos yang seterusnya, tunggu sehingga tibanya waktu itu untuk menggunakan ubat ini dan abaikan sahaja dos yang tertinggal

# DIPROCEL OINTMENT

Betamethasone dipropionate (0.05% w/w )

itu. Jangan gunakan dua dos sekali untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Jika anda tidak menggunakan salap ini seperti yang diarahkan dan telah menggunakannya terlalu kerap dan/atau terlalu lama, anda harus beritahu doktor atau ahli farmasi.

**Semasa menggunakan Diprocel ointment**

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda menghidap penyakit kulit yang lain.
- Gunakan salap ini tepat-tepat mengikut arahan doktor.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil ketika menggunakan salap ini.
- Jika kulit anda menjadi rensa atau sensitif selepas menggunakan Diprocel ointment, berhenti menggunakannya dan beritahu doktor.
- Hubungilah doktor jika anda mengalami penglihatan yang kabur atau gangguan penglihatan yang lain.
- Jika anda rasa anda terkena jangkitan kulit semasa menggunakan Diprocel ointment, beritahu doktor kerana mungkin anda perlu menggunakan ubat lain. Jika jangkitan itu tidak pulih, berhenti menggunakan Diprocel ointment dan beritahu doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan biarkan salap ini memasuki mata.
- Jangan berikan Diprocel ointment kepada orang lain, walaupun

mereka mengalami simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Jangan gunakan Diprocel ointment lebih kerap daripada yang sepatutnya, pada kawasan badan yang luas, selama tempoh yang panjang, di bawah balutan, plaster atau lampin, atau lebih banyak daripada yang diarahkan, kerana kemungkinan berlakunya kesan sampingan akan meningkat.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

**Penggunaan oleh kanak-kanak**

Jika digunakan lebih kerap daripada yang sepatutnya, pada kawasan badan yang luas, selama tempoh yang panjang, atau lebih banyak daripada yang diarahkan, salap ini boleh mengganggu beberapa hormon anak anda. Ini boleh melambatkan tumbesaran dan perkembangan mereka.

**Kesan-kesan sampingan**

Sama seperti semua ubat lain, Diprocel ointment boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya. Antara kesan sampingan yang jarang-jarang berlaku, yang paling lazim dilaporkan berlaku ialah inflamasi yang ringan hingga sederhana teruk pada folikel rambut.

Antara kesan sampingan lain yang pernah dilaporkan berlaku ialah:

- Gegata
- Kulit menjadi merah-merah
- Lepuh pada kulit
- Kulit terasa gatal-gatal

Antara kesan sampingan yang pernah dilaporkan berlaku apabila menggunakan kortikosteroid yang disapukan pada kulit ialah:

- Rasa pedih
- Kulit rensa

- Kulit kering
- Pertumbuhan rambut yang berlebihan
- Jerawat
- Jangkitan sekunder pada kulit
- Kekurangan pigmentasi kulit
- Ruam di sekeliling mulut
- Tindak balas alergi (alahan) pada kulit
- Kulit menjadi nipis
- Kulit menjadi lembut/mudah luka
- Tanda regangan pada kulit
- Ruam panas
- Penglihatan kabur

Beritahu doktor jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan. Kesan sampingan yang boleh berlaku apabila menggunakan kortikosteroid yang disedut atau dimakan boleh juga berlaku apabila menggunakan kortikosteroid yang disapukan pada kulit, terutamanya bagi bayi dan kanak-kanak.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) [Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Jika anda masih kurang pasti mengenai penggunaan ubat ini, tanya doktor atau ahli farmasi.

**Cara penyimpanan dan pelupusan Diprocel ointment**

- Penyimpanan

- Jauhkan daripada capaian dan pandangan kanak-kanak.
- Simpan pada suhu yang kurang daripada 30°C.
- Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang tertera

# DIPROCEL OINTMENT

Betamethasone dipropionate (0.05% w/w )

pada labelnya dan pada kartonnya selepas 'Gunakan sebelum'. Tarikh tamat tempoh ini merujuk kepada hari terakhir pada bulan yang dinyatakan itu.

47301 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
15/08/2018 (Versi 082017)

**- Pelupusan**

Jangan buang ubat bersama-sama air sisa atau sampah dari rumah. Tanya ahli farmasi tentang cara melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah begini akan membantu memelihara alam sekitar.

**Nombor siri:**

NPRA (R1/1) 15082018/105

**Maklumat lanjut**

**- Rupa dan warna produk**

Salap yang licin, sekata, berwarna putih mutiara dan tidak mengandungi bendasing.

**- Bahan-bahan kandungan**

Bahan aktif:

Setiap gram Diprocel ointment mengandungi 0.64 mg betamethasone dipropionate (bersamaan dengan 0.5 mg betamethasone)

Bahan tidak aktif:

Propylene glycol monostearate, propylene glycol, white wax dan white petrolatum.

**- Nombor MAL**

MAL19870593AZ

**Pengilang**

Schering-Plough Labo N.V.,  
Heist-op-den-Berg, Belgium dengan kebenaran Schering-Plough Corporation.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Merck Sharp & Dohme (Malaysia) Sdn.  
Bhd.  
Lot No. B-22-1 & B-22-2, Level 22  
The Ascent, Paradigm No.1  
Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya